

Tiga penyelidik muda terima geran kajian berkaitan kanser

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Tiga penyelidik muda menerima geran penyelidikan berjumlah RM30,000 setiap seorang daripada Majlis Kanser Nasional (Makna) untuk menjalankan pelbagai kajian berkaitan kanser.

Pengerusi Makna, Datuk Mohd. Farid Ariffin berkata, geran itu merupakan sebahagian daripada komitmen kukuh Makna untuk membantu penyelidik muda menjalankan kajian saintifik berkaitan penyakit kanser yang telah dimulakan sejak 2000.

“Setiap tahun, kami cuba mencari rawatan yang berpotensi merawat pesakit kanser secara menyeluruh, dan melalui geran penyelidikan ini, diharap dapat memberi harapan penemuan penawar baharu bagi penyakit kanser.

“Makna sentiasa menyokong untuk memupuk penyelidik muda melangkaui sempadan saintifik dalam memajukan bidang perubatan untuk

hari esok yang lebih baik bagi pesakit kanser di Malaysia,” katanya pada sidang akhbar selepas Anugerah Penyelidikan Kanser Makna 2013 di Menara MATRADE, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Setiausaha Agung Akademi Sains Malaysia, Datuk Dr. Shamsuddin Tugiman.

Tiga penyelidik muda yang menerima geran penyelidikan itu ialah Felo Penyelidik Institut Biosains Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Yeap Swee Keong, Pembantu Profesor Bioperubatan Universiti Nottingham Kampus Malaysia, Dr. Ho Wan Yong dan pelajar sarjana dari Institut Bioteknologi Molekul Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Noorfaiza A. Aziz.

Farid berkata, melalui kerjasama dengan Akademi Sains Kebangsaan (ASM) yang merupakan panel pemilihan penerima geran, penyelidik muda yang kebanyakannya menghadapi kekangan kewangan untuk

meneruskan penyelidikan mereka, dapat meneruskan penyelidikan mereka bagi membantu mencari penawar penyakit kanser.

Sementara itu, Dr. Yeap berkata, kajiannya yang meliputi penyelidikan terhadap Newcastle Disease Virus (NDV), virus yang menyebabkan kematian ke atas ayam, namun mampu membunuh sel-sel tumor penghidap kanser.

“Saya telah memulakan penyelidikan ini sejak 2007 dan masih meneruskan penyelidikan tentang mekanisme penggunaan virus NDV ke atas pesakit kanser, khususnya kanser payudara,” katanya.

Noorfaiza berkata, penyelidikannya mampu mengurangkan kesan sampingan kepada sel normal pesakit kanser yang mengambil Cisplatin, salah satu rawatan untuk kanser payudara tetapi pada masa sama meningkatkan peratusan sel kanser yang mati.



MOHD. Farid Ariffin (kanan) bersama Shamsuddin Tugiman (kiri) beramah mesra dengan Yeap Swee Keong (tengah), Ho Wan Yong (dua dari kanan) dan Noorfaiza A. Aziz dalam Anugerah Penyelidikan Kanser Makna di Kuala Lumpur, semalam.

- BERNAMA